

# FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-**

**Pejabat Am**

Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan

Tel : 6087-460486 / 466719 / 598128

Faks : 6087-460477

E-mel : [fkalgo@ums.edu.my](mailto:fkalgo@ums.edu.my)

## Pengenalan

Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah mula beroperasi pada bulan Mei 1999. Fakulti menawarkan lima (5) program pengajian dalam bidang Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam. FKAL ditubuhkan untuk mewujudkan fakulti yang berperspektif global dan setanding dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di peringkat antarabangsa. Fokus struktur program akademik yang ditawarkan adalah berteraskan kepada teori dan amali semasa serta disokong oleh kemahiran aplikasi teknologi yang terkini.

## Visi

Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) bertekad menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang kewangan antarabangsa yang holistik, kompetitif dan bertaraf global.

## Misi

Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam bidang kewangan antarabangsa dan mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, sumbangan masyarakat dan kemapanan wadah ilmu dengan melahirkan modal insan yang berketrampilan dan tinggi mutunya yang membantu merealisasikan wacana pembangunan sosio-ekonomi negara.

## Objektif

- Mencapai kecemerlangan akademik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang kewangan, pemasaran, perbankan luar pesisir, ekonomi dan kewangan Islam.
- Menjalankan penyelidikan, penerbitan dan perundingan untuk menyumbang pengetahuan baharu yang meningkatkan pembangunan sosial dan negara.
- Mengukuhkan keintelektualan dan kebebasan akademik di kalangan kakitangan akademik.
- Melahirkan graduan yang mengkhusus tetapi seimbang bukan sahaja dalam kecemerlangan akademik tetapi juga kepada agama dan masyarakat.
- Mengajukan program-program pengajaran dan penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan pembangunan negara.
- Membangunkan jaringan pemain industri perbankan dan kewangan, badan-badan profesional dan masyarakat.
- Mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang bertaraf dunia, inovatif dan efektif.
- Mengajukan khidmat masyarakat yang membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat.
- Mencapai kecemerlangan akademik melalui penyelidikan, penerbitan dan persidangan.

# PROGRAM PENGAJIAN

## **HE19 KEWANGAN ANTARABANGSA**

Program ini menawarkan kurikulum pengajian perniagaan antarabangsa dengan penumpuan kepakaran pada bidang kewangan antarabangsa bagi membolehkan fakulti menghasilkan graduan yang; (a) Berpeluang untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran analitikal dengan perspektif global. (b) Berkeupayaan untuk mengendalikan aktiviti perniagaan dan menawarkan perkhidmatan kewangan secara beretika dan profesional. (c) Mahir dalam penggunaan teknologi dan cekap dalam pemilihan kerjaya sama ada di pasaran domestik atau antarabangsa.

### **Prospek Kerjaya**

Bidang kerjaya: Eksekutif Perniagaan dan Kewangan, Remisier, Perunding Saham, Perancang Kewangan, Penyelidik, Pengurus Operasi di Peringkat Global, Pengurus Portfolio, Penganalisa Perniagaan dan Kewangan, Penganalisa Pasaran Hadapan dan Ekuiti, Pegawai Perbendaharaan, Eksekutif Pengurusan Kredit dan Kekayaan, Eksekutif Pelaburan dan Kewangan di peringkat antarabangsa.

## **HE20 PERBANKAN ANTARABANGSA DAN LUAR PESISIR**

Satu-satunya program yang diolah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek-aspek penting dalam pengurusan perbankan antarabangsa dan luar pesisir. Program ini menjurus kepada aspek-aspek utama perbankan antarabangsa dan luar pesisir yang merangkumi subjek-subjek utama seperti Pengurusan Kredit, Sistem Maklumat dalam Perbankan, Pemasaran Wang dan Modal Antarabangsa dan Pengurusan Kekayaan.

### **Prospek Kerjaya**

Bidang kerjaya: Perancang dan perunding Kewangan, Penyelidik, Pengurus Portfolio Pelaburan, Penganalisa Kewangan, Penganalisa Futures, Penganalisa Ekuiti, Eksekutif Perbendaharaan, Eksekutif Pengurusan Kredit, Eksekutif Pengurusan Kekayaan dan Eksekutif Pengurusan perbankan antarabangsa dan luar pesisir.

## **HE21 PEMASARAN ANTARABANGSA**

Program ini diolah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pemasaran antarabangsa dan aktiviti yang terlibat di dalam memasarkan sesuatu produk atau perkhidmatan di peringkat antarabangsa. Pengajaran dan pembelajaran adalah menjurus kepada aspek aplikasi pengurusan pemasaran antarabangsa. Antara subjek-subjek utama yang diketengahkan ialah Strategi Komunikasi Pemasaran Antarabangsa, Pengurusan Strategik Pemasaran, Pemasaran Antarabangsa, Pengurusan Jenama dan Pemasaran Cyber.

### **Prospek kerjaya**

Bidang kerjaya: Eksekutif Pemasaran, Eksekutif Jenama/Produk, Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Eksekutif Pengangkutan dan Logistik, Eksekutif Perhubungan Awam, Eksekutif Jualan, Eksekutif Pengiklanan/Promosi, Penyelidik Pasaran dan Usahawan.

## **HE22 EKONOMI KEWANGAN ANTARABANGSA**

Program ini bertujuan mendedahkan pelajar mengenai aspek-aspek penting dalam ekonomi kewangan antarabangsa. Program ini menjurus kepada aspek-aspek utama ekonomi kewangan antarabangsa yang merangkumi subjek-subjek utama seperti Ekonomi Kewangan Antarabangsa, Ekonometrik untuk Kewangan Antarabangsa, Ekonometrik Lanjutan untuk Kewangan Antarabangsa dan Isu-isu Semasa dalam Ekonomi Kewangan Antarabangsa.

**Prospek Kerjaya**

Bidang kerjaya: Penyelidik, Pengurus Risiko, Penganalisa Kewangan, Pensyarah, Eksekutif Bank, Eksekutif Pelaburan, Eksekutif Amanah Saham, Konsultan Ekonomi dan Pengurus Pembelian.

**HE23 KEWANGAN ISLAM**

Program ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada bidang kewangan Islam. Ini merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan pembiayaan mengikut prinsip Islam. Pembelajaran adalah menjurus kepada **semua** aspek utama kewangan Islam yang merangkumi subjek utama seperti Usul Fiqh, Fiqh Muamalat dan Isu-isu Semasa dalam Kewangan Islam.

**Prospek Kerjaya**

Bidang kerjaya: Pengurus Takaful, Pengurus Perbankan Islam, Pengurus Pasaran Modal Islam, Pengurus Perancangan Kekayaan Islam, Pengurus Zakat dan Wakaf Institusi. Dalam masa yang sama pelajar juga boleh menyertai sektor awam dan swasta.

**TENAGA PENGAJAR**

[www.ums.edu.my/fkal/](http://www.ums.edu.my/fkal/)